



YAYASAN PENERAJU

#Ini Cerita Saya

GELOMBANG 1 : 2012-2014

YAYASAN PENERAJU

#Ini Cerita Saya

The title is rendered in a large, expressive calligraphic font. The word '#Ini Cerita' is in a light blue color, while 'Saya' is in white. The text is decorated with red leaf-like motifs above the blue part and a blue swirl with red leaves below the white part.

GELOMBANG 1 : 2012-2014

ISI KANDUNGAN



- 05 Nukilan Ketua Eksekutif Yayasan Peneraju
Y.M. Raja Azura Raja Mahayuddin
- 08 #iniceritasaya:
Kisah-kisah Inspirasi **Peneraju Tunas**
- 19 #iniceritasaya:
Kisah-kisah Inspirasi **Peneraju Skil**
- 30 #iniceritasaya:
Kisah-kisah Inspirasi **Peneraju Profesional**
- 42 "Mimpi Jadi Realiti" oleh
Y.M. Raja Azura Raja Mahayuddin
- 43 Mengenai Yayasan Peneraju

Diterbitkan oleh **YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA**
Tingkat 15-1, Mercu UEM, Jalan Stesen Sentral 5, KL Sentral 50470 Kuala Lumpur
www.yayasanpeneraju.com.my

© YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA, 2016

Cetakan Kedua 2016

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, foto dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan apa juga cara sama ada dalam bentuk elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

NUKILAN KETUA EKSEKUTIF

Y.M. RAJA AZURA RAJA MAHAYUDDIN



Perjuangan penubuhan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) bertitik tolak dari sesi pertemuan bersama YBhg. Tan Sri Dato' Utama Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (kini, mantan) pada tanggal 20 Januari 2012.

Dalam berkongsi aspirasi beliau untuk menggerakkan Yayasan Peneraju sebagai sebuah entiti yang dapat menerajui agenda Bumiputera khususnya dalam usaha membantu golongan yang memerlukan dalam bidang pendidikan dan melahirkan tenaga kerja mahir dan profesional, saya dapati perjuangan beliau ini amat sinonim sekali dengan impian dan minat yang mendalam dalam diri saya untuk membangunkan bakat dan kepimpinan muda negara.

Walaupun pada waktu itu, tiada perancangan yang jelas tentang perincian, saya tidak teragak-agak untuk terus menerima tawaran berkhidmat di Yayasan Peneraju kerana saya yakin, melalui yayasan ini saya dapat mencurahkan segala ilmu, pengalaman dan tenaga kepada masyarakat dan berpeluang mencurahkan bakti kepada agama, bangsa dan negara.

Pada 14 Februari 2012, berbekalkan sijil pendaftaran Yayasan Peneraju, akaun bank, dana pelancaran serta komitmen sumbangan daripada syarikat-syarikat penyumbang dana, saya bersama Encik Badrol Hisham, seorang sahabat saya, telah memulakan misi dalam perjuangan merealisasikan aspirasi bakat-bakat Bumiputera melalui perancangan program-program kendalian Yayasan Peneraju.

Pelbagai rintangan dan dugaan telah kami hadapi pada waktu itu kerana Yayasan Peneraju merupakan satu agensi baru yang tidak bertestimoni dan tidak dikenali. Cabaran yang paling besar adalah untuk mendapatkan kepercayaan daripada masyarakat terutamanya bakal-bakal

pemegang biasiswa dan penerima faedah bahawa kami serius dalam usaha memupuk dan membangunkan bakat-bakat Bumiputera melalui program-program yang dilaksanakan oleh Yayasan Peneraju yang memberi fokus kepada konsep "peluang kedua". Konsep ini dilaksanakan dengan penuh azam untuk memastikan bahawa golongan Bumiputera mampu bersaing dan memberi sumbangan yang signifikan bagi mengisi peluang serta jurang kekurangan pekerjaan mahir dan profesional untuk negara.

Usaha awal dan perjuangan murni ini disokong dan dibimbing oleh YBhg. Tan Sri Dato' Utama Nor Mohamed Yakcop (sehingga 2013), YBhg. Datuk Siti Hadzar Mohd Ismail (sehingga 2013), YBhg. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff dan YBhg. Dato' Husni Salleh yang merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Yayasan Peneraju dalam memastikan Yayasan Peneraju berada di landasan yang tepat.

Kami mula bertatih, setapak demi setapak dalam usaha membantu golongan Bumiputera melalui pelaksanaan program-program di bawah tiga teras utama iaitu Peneraju Tunas, Peneraju Skil dan Peneraju Profesional. Bermula dengan program pertama iaitu program Peneraju Tunas Potensi yang dilancarkan pada bulan Februari 2012, seramai 210 orang pelajar yang dipilih dari keluarga dan latar belakang yang mencabar telah menyertai program ini. Pada penghujung tahun 2012, Yayasan Peneraju telah berjaya memanfaatkan seramai 368 bakat Bumiputera melalui program Peneraju Tunas Potensi, Peneraju Skil Elektrikal *Chargeman* dan Peneraju Profesional Akauntan.

Alhamdulillah, setelah lebih tiga tahun beroperasi, Yayasan Peneraju telah melangkah jauh ke hadapan dalam misi kami untuk merealisasi aspirasi golongan Bumiputera dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dan profesional yang mampu bersaing secara kompetitif sehingga ke peringkat global. Malahan, kami bukan sahaja menitikberatkan kecemerlangan "anak-anak" kami dalam memperoleh pensijilan yang terpuji serta pekerjaan yang boleh dibanggakan, tetapi kami komited untuk memastikan bahawa kami berupaya melahirkan insan yang mempunyai nilai-nilai murni yang tinggi dan cemerlang dari segi akhlakanya. Kami menyedari perlunya mengimbangi ilmu dan membina jati diri di kalangan bakat-bakat Bumiputera.

Oleh yang demikian, Yayasan Peneraju menjadikan modul memupuk dan membangunkan insaniah sebagai perbezaan teras di dalam setiap pelaksanaan program kami. Kini, sehingga Disember 2015, seramai lebih 7,000 bakat Bumiputera telah menjadi penerima faedah melalui 80 program-program yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012.

Pada tahun ini, limpahan keringat yang telah kami curahkan dalam merubah kehidupan "anak-anak" Yayasan Peneraju telah membuahkan hasil apabila mereka mula melakar kejayaan dalam pelbagai bidang dan kerjaya. Melalui nukilan 30 kisah inspirasi ini, ingin kami kongsi kisah mereka melalui liku-liku kehidupan untuk menggapai impian dalam merealisasikan aspirasi mereka menjadi realiti.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Mantan Pengerusi Jawatankuasa Kerja, YBhg. Tan Sri Dato' Utama Nor Mohamed Yacop, Mantan Penasihat Menteri, YBhg. Datuk Siti Hadzar Mohd Ismail, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah, Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja dan Ahli-ahli Lembaga Penasihat Industri atas khidmat nasihat, sokongan dan kepercayaan yang diberikan kepada saya dan warga kerja Yayasan Peneraju.

Ucapan setinggi-setinggi penghargaan juga saya tujukan kepada para penyumbang dana, rakan-rakan program, rakan-rakan strategik dan seterusnya pihak berkepentingan lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program-program Yayasan Peneraju.

Jutaan terima kasih yang tak terhingga kepada warga Yayasan Peneraju kerana bertungkus lumus memastikan bahawa Yayasan Peneraju akan terus terbang tinggi dan dapat memenuhi mandat yang telah diamanahkan kepada kami. Semoga usaha dan impian kami untuk memberi peluang kedua dan untuk membangunkan bakat-bakat Bumiputera akan terus mendapat sokongan daripada semua pihak.

Y.M. Raja Azura Raja Mahayuddin



#Ini Cerita Saya

Kisah-kisah Inspirasi

Peneraju Tunas



Program pembiayaan pendidikan untuk murid lepasan sekolah rendah dan menengah yang berpotensi, berpendapatan isi rumah rendah (RM4,000 ke bawah) dan dari latar belakang yang mencabar bagi mendapatkan pendidikan sekolah menengah dan tertiar yang berkualiti.

- Peneraju Tunas Geliga (lepasan UPSR)
- Peneraju Tunas Potensi (lepasan SPM/STPM)

KISAH INSPIRASI PENERAJU TUNAS **FAIZ ALIAN** GELIGA



Anak sulung daripada lapan orang adik-beradik ini merupakan pelajar tingkatan tiga, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Pasir Tumboh, Kelantan. Sebagai pemegang biasiswa Peneraju Tunas Geliga, beliau telah melayakkan diri untuk menerima tawaran ke MRSM yang merupakan impiannya sejak di bangku sekolah rendah lagi. Biasiswa yang diterima saban tahun sedikit sebanyak telah membantu meringankan beban ibunya yang menjadi tulang belakang keluarga sejak bapanya menghilangkan diri. Ibunya menjadikan hasil jualan kuih sebagai mata pencarian dan kini bekerja sebagai seorang pembantu restoran di Kota Bharu. Keluarga beliau pernah diuji apabila rumah mereka musnah sama sekali dalam kebakaran pada Julai 2015. Hasil ihsan daripada pelbagai pihak, Faiz sekeluarga telah menerima bantuan sebuah rumah demi meneruskan hidup.

Faiz yang menjadi sumber inspirasi kepada adik-adiknya selepas mencapai keputusan cemerlang 5A dalam UPSR, sangat cekat dalam menghadapi cabaran hidup dan tidak patah semangat untuk terus membantu ibunya. Walaupun dilahirkan sebagai insan istimewa, ia bukanlah batu penghalang untuk beliau terus bergiat aktif dalam bidang ko-kurikulum selain mencapai kecemerlangan dalam akademik sehingga dianugerahkan 'Penghormatan Pengetua' setiap kali peperiksaan. Beliau juga pernah dinobatkan sebagai peminato terbaik semasa Kem Peneraju Tunas Geliga Disember 2013 dan dipilih untuk menjadi pemudahcara dalam satu majlis yang diadakan sewaktu Kem Peneraju Tunas Geliga Disember 2014. Keputusan PNGK terkini beliau adalah 3.79.

**Faiz Alian bin Mohd Zamre • 15 tahun •
Kota Bharu, Kelantan**

"Kem Pemupukan dan Pembangunan Pelajar yang dianjurkan sebanyak tiga kali setahun menjadi platform kepada saya untuk membina keyakinan diri supaya lebih berani menghadapi dunia luar di samping menjalin persahabatan dengan pemegang biasiswa lain dari seluruh Malaysia."



KISAH INSPIRASI PENERAJU TUNAS **ANIS SHAHIRA** GELIGA



Anis merupakan anak keenam daripada tujuh orang adik-beradik. Ayahnya seorang penoreh getah manakala ibunya seorang suri rumah yang hanya menjual sedikit kuih muih yang diletakkan di kantin pejabat polis di Baling untuk meringankan beban keluarganya. Pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Baling, Kedah ini bercita-cita tinggi untuk menjadi seorang doktor kerana ingin mengikut jejak langkah kakak sulungnya yang kini merupakan pelajar tahun akhir di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam jurusan Ijazah Perubatan.

Dorongan yang kuat serta motivasi daripada kakak sulung dan adik-beradiknya yang telah pun berjaya menamatkan pelajaran mereka telah menguatkan semangat Anis untuk berjaya dengan cemerlang. Abangnya yang kedua baru saja mendapat Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) manakala kakaknya yang ketiga pula telah berjaya mendapat Ijazah dalam bidang Bioteknologi daripada Universiti Sains Malaysia (USM). Anis juga mempunyai seorang abang yang merupakan seorang pelajar di Kolej Vokasional Kulim, Kedah dan seorang kakak yang merupakan pelajar tingkatan lima di Sekolah Menengah Baling, Kedah.

Anis mempunyai keterampilan dan tahap keyakinan diri yang sangat tinggi. Sikap beliau yang peramah, sentiasa menghormati orang yang lebih tua dan berani bercakap di hadapan orang ramai menjadikan beliau sentiasa disenangi di kalangan rakan-rakannya.

**Anis Shahira binti Md Radzi • 14 tahun •
Lunas, Kedah**

“Saya telah berjaya mendapat tawaran pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Geliga walaupun saya hanya mendapat keputusan 3A, 2B dalam peperiksaan UPSR. Kini saya telah menunjukkan peningkatan di mana, di tingkatan satu, saya telah mendapat 72.38 % pada peperiksaan akhir tahun 2014 dan di tingkatan dua pula, saya telah mencapai keputusan 77.45 % pada peperiksaan pertengahan tahun 2015.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU TUNAS **MUHAMMAD NAJMI** GELIGA



Muhammad Najmi ialah pelajar tingkatan tiga di MRSM Pontian, Johor dan merupakan anak kelima daripada lapan orang adik-beradik. Bapanya menyara hidup dengan bekerja sebagai buruh binaan manakala ibunya pula bertugas sebagai tukang cuci di pejabat Sea Eagle Maritime, Pasir Gudang dan di sebelah malam pula mereka menambah pendapatan dengan menjual burger. Melihat kesusahan ibu bapanya mencari nafkah, Najmi berazam untuk belajar bersungguh-sungguh demi membalas jasa mereka.

Perjalanan hidup beliau sebagai penerima biasiswa Peneraju Tunas Geliga bertitik tolak daripada hasil usaha guru sekolah rendah beliau yang membantu membuat permohonan untuk dirinya dan rakan-rakan selepas mereka mendapat keputusan cemerlang 5A dalam UPSR. Beliau sangat bersyukur kerana terpilih untuk menjadi pelajar di bawah tajaan Yayasan Peneraju dan seterusnya menerima tawaran ke MRSM Pontian dan menjadi pelajar cemerlang sehingga melayakkan diri menerima anugerah 'Penghormatan Pengetua' dalam setiap peperiksaan. Keputusan PNGK terkini beliau adalah 3.83.

Penganjuran Kem Pemupukan dan Pembangunan Pelajar yang memberi tumpuan kepada pembangunan pelajar secara holistik ternyata memberi nilai tambahan terhadap setiap penerima biasiswa Peneraju Tunas Geliga. Pengisian modul yang menerapkan ciri-ciri kepimpinan, kerja berpasukan, keterampilan diri dan juga pengurusan masa, dapat membentuk keterampilan dan jati diri peserta demi kebaikan masa hadapan mereka.

**Muhammad Najmi bin Zakaria • 15 tahun •
Pasir Gudang, Johor Bahru**

"Melihatkan pengorbanan ibu dan ayah mencari nafkah untuk keluarga, saya merasa bersyukur apabila menerima peruntukan biasiswa yang dapat meringankan beban mereka lantas memberi peluang untuk mereka lebih fokus kepada adik-beradik yang lain."



KISAH INSPIRASI PENERAJU TUNAS **ALLISTER** GELIGA



Allister merupakan anak sulung daripada empat orang adik-beradik. Ayahnya bekerja sebagai seorang petani, nelayan dan pemburu manakala ibunya merupakan seorang suri rumah. Beliau yang merupakan satu-satunya anak lelaki dalam keluarga, membesar di rumah panjang di Long Pelutan, Baram yang mengambil masa 25 jam perjalanan dari bandar Kuching. Apabila cuaca buruk dan jalan darat tidak boleh dilalui, beliau terpaksa menaiki bot panjang melalui sungai menjadikan perjalanannya lebih sukar dan berisiko dan seringkali membuatkan beliau tidak dapat pulang bercuti semasa cuti sekolah.

Allister merupakan pelajar daripada suku kaum asli Penan pertama yang menerima biasiswa di bawah program Peneraju Tunas Geliga dan berjaya mendapat tawaran ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kuching. Kecemerlangan dalam akademik telah menjadikan beliau murid teratas di antara anak-anak Peneraju Tunas Geliga untuk dua penggal berturut-turut. Selain itu, Allister turut aktif dalam pelbagai aktiviti kurikulum dan merupakan jaguh sukan dan sering mewakili sekolahnya di peringkat daerah dalam permainan ping pong, bola sepak, futsal, lompat tinggi dan lompat jauh.

Kem Peneraju Tunas Geliga yang diadakan selama dua minggu pada setiap cuti sekolah, yang wajib dihadiri oleh setiap penerima biasiswa di bawah program ini, nyata telah berjaya membantu membina jati dirinya dan merubah beliau daripada seorang yang pendiam kepada seorang yang berkeyakinan tinggi. Keputusan PNGK terkini beliau adalah 3.82.

**Allister Tik Tony • 15 tahun •
Baram, Sarawak**



“Saya sangat bersyukur dan berasa teruja kerana telah diberi peluang untuk keluar dari kawasan pedalaman dan dapat belajar di sekolah yang lebih efisien dan berkesan seperti MRSM.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU TUNAS UMMU HABIBAH GELIGA



Ummu Habibah merupakan seorang pelajar tingkatan tiga di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Mukah. Beliau merupakan anak keenam daripada sembilan orang adik-beradik. Ayahnya merupakan penghidap diabetes yang mengalami jangkitan pada buah pinggang sehingga pergerakannya terbatas menyebabkan beliau akhirnya mengambil keputusan untuk tidak bekerja. Ibunya yang dahulu bekerja sebagai guru tadika, kini perlu menjaga ayahnya yang sakit dan memutuskan untuk berniaga kuih-muih di gerai berdekatan dengan rumah. Proses dialisis yang perlu dilakukan oleh ayahnya sebanyak tiga kali seminggu, menelan kos sebanyak RM150 bagi setiap rawatan. Kos rawatan yang tinggi disertai dengan tempoh masa yang diambil untuk berulang ke hospital membuatkan ibunya sukar untuk keluar bekerja. Kesukaran hidup yang dihadapi oleh kedua ibu bapanya inilah yang membuatkan Ummu Habibah berazam untuk belajar bersungguh-sungguh demi membantu meringankan beban mereka kelak.

Sebagai penerima biasiswa Yayasan Peneraju, Ummu Habibah berasa cukup bertuah kerana dibantu bukan sahaja dalam bentuk kewangan, malah diberi peluang mengikuti Kem Pemupukan dan Pembangunan Pelajar anjuran Yayasan Peneraju. Program ini telah berjaya mengubah sikap beliau supaya menjadi lebih matang dan positif apabila berhadapan dengan cabaran. Keputusan cemerlang yang diperolehinya pada peperiksaan akhir tahun 2014, telah melayakkan Ummu Habibah untuk menerima Anugerah Pelajar Peneraju Tunas Geliga Terbaik pada Kem Peneraju Tunas Geliga Disember 2014. Keputusan PNGK terkini beliau adalah 3.79.

**Ummu Habibah binti Mohamad Taha • 15 tahun •
Miri, Sarawak**

“Saya amat bersyukur kerana saya dan seorang lagi adik lelaki ditawarkan biasiswa daripada Yayasan Peneraju. Sejurus selepas menerima tawaran biasiswa, kami terpilih pula untuk melanjutkan pelajaran peringkat menengah di MRSM Mukah. Bantuan kewangan yang diberikan telah banyak mengurangkan beban ibu dan ayah.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU TUNAS **HELMI RAMLI** POTENSI



Anak kedua daripada empat adik-beradik ini telah dibesarkan di dalam sebuah keluarga yang serba kekurangan namun hal ini tidak pernah sekalipun mematahkan semangat beliau untuk terus menuntut ilmu. Bapa beliau bekerja menyara keluarga sebagai peneroka FELDA dan ibunya mengambil upah membuat kuih dan menjualnya di gerai seorang jiran.

Helmi berasa sangat bersyukur apabila terpilih untuk menjadi salah seorang pemegang biasiswa di bawah Yayasan Peneraju. Bantuan kewangan yang dihulur sememangnya membantu meringankan beban keluarganya bagi menampung kos perbelanjaan yang tinggi di peringkat universiti. Pengajiannya selama tiga tahun di *Asia Pacific University* telah merubah dirinya dari segi personaliti dan meningkatkan ilmu pengetahuan beliau terutamanya kemahiran bertutur di dalam bahasa Inggeris.

Pada usia 23 tahun, Helmi telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di dalam bidang perakaunan dan kewangan dengan keputusan PNGK 3.63 dan memulakan kerjayanya di CIMB. Helmi yang menetapkan matlamat untuk menjadi seorang akauntan profesional dan ahli perniagaan yang berjaya, berazam untuk membalas jasa kedua ibu bapanya dan mengubah kehidupan keluarganya dengan kejayaan yang akan dikecapinya. Sesungguhnya beliau amat menghargai segala bantuan dan latihan yang telah diberikan oleh pihak Yayasan Peneraju.

**Mohamad Helmi bin Ramli • 23 tahun •
Felda Lui Selatan, Negeri Sembilan**

“Kini saya lebih yakin untuk berkomunikasi serta lebih matang dalam membuat keputusan. Pihak Yayasan Peneraju bukan sahaja membantu dari segi kewangan, malahan melalui program Pemupukan dan Pembangunan Pelajar, kelas tambahan serta aktiviti-aktiviti luar yang dijalankan juga sangat membantu dalam meningkatkan ketahanan fizikal, emosi dan rohani.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU TUNAS **SITI HAWA** POTENSI

Anak kedua daripada lima orang adik-beradik ini merupakan salah seorang pemegang biasiswa daripada kumpulan pertama program Peneraju Tunas Potensi. Ayahnya seorang pekerja kilang dan ibu pula bekerja sebagai penoreh getah dan suri rumah pada masa yang sama. Beliau telah memilih untuk menyambung pengajian STPM terlebih dahulu sebelum menerima tawaran daripada Yayasan Peneraju untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda kerana telah mendapat keputusan SPM yang kurang memberangsangkan.

Kecemerlangan beliau dalam bidang akademik adalah amat membanggakan apabila berjaya menamatkan Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam (PNGK 3.70) dan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Syariah (PNGK 3.58) pada masa yang sama dalam tempoh hanya tiga tahun. Walaupun adalah sangat sukar untuk mempelajari dua bidang pada satu masa, dan ia merupakan satu cabaran buat Siti Hawa, beliau berjaya menamatkan pengajian Diploma dan peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan keputusan yang cemerlang.

Kini beliau sedang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana pula di dalam bidang syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan pada masa sama menjalani *chambering* selama enam bulan untuk melayakkan beliau mendapatkan lesen guaman. Suatu hari nanti beliau berharap untuk membuka firma guamannya sendiri.

**Siti Hawa Jaafar • 24 tahun •
Tasek Gelugur, Pulau Pinang**



“Saya memang berhasrat untuk mendapatkan tajaan biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Setiap hari, saya berdoa dan Alhamdulillah PNGK STPM saya sebanyak 3.83 telah membuatkan saya berjaya mendapatkan tajaan. Yayasan Peneraju telah memberi peluang untuk saya lebih pandai berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, membantu membina *soft skills* serta menjadikan saya lebih berkeyakinan.”

KISAH INSPIRASI PENERAJU TUNAS **MOHD SYAHMI** POTENSI



Anak kepada seorang pesara guru ini merupakan anak keempat daripada enam orang adik-beradik. Walaupun dibesarkan dalam persekitaran yang mencabar, Mohd Syahmi telah mendapat keputusan yang cemerlang iaitu gred A untuk kesemua mata pelajaran bagi peperiksaan SPM.


Kehidupan keluarganya yang susah sering membuatkan beliau berasa gusar kerana tidak mampu untuk membayar yuran pengajian yang agak tinggi setelah berjaya menyambung pelajaran di sebuah universiti tempatan. Namun beliau tidak patah semangat untuk meneruskan pengajian dan sentiasa berusaha memohon bantuan kewangan bagi membiayai kos pengajiannya disamping meringankan beban keluarganya.

Setelah sekian lama berusaha, akhirnya Syahmi telah ditawarkan peluang melanjutkan pengajian asasi dalam jurusan senibina melalui program Peneraju Tunas Potensi. Sejak kecil lagi, impian Syahmi adalah untuk berkecimpung di dalam bidang senibina. Justeru itu beliau nekad untuk menamatkan pengajian *fast track* ketika itu demi merebut peluang keemasan ini.

Segala pengorbanan Syahmi selama setahun membuahkan hasil apabila beliau berjaya menamatkan pengajian asasi *Canadian Pre-University (CPU)* dengan keputusan cemerlang. Kejayaan ini telah melayakkan dirinya untuk menjadi pelajar pertama Yayasan Peneraju yang ditaja untuk belajar di luar negara, iaitu di *University of Edinburgh, United Kingdom* yang tersenarai dalam 50 universiti terbaik di dunia.

**Mohd Syahmi bin Mohd Nor • 21 tahun •
Kota Bharu, Kelantan**

“Walaupun bukan daripada aliran sastera dan tiada pengetahuan asas dalam pendidikan seni ketika di sekolah, namun saya telah berjaya lulus peperiksaan kemasukan khas pada September 2013 dan kini melanjutkan pengajian dalam bidang seni bina di *University of Edinburgh, United Kingdom* – salah sebuah universiti paling berprestij di dunia.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU TUNAS **NUR IZENI** POTENSI



Gadis Melanau ini dilahirkan dalam sebuah keluarga yang besar dan merupakan anak ketiga daripada tujuh orang adik-beradik. Nur Izeni berusaha keras agar beliau dapat menjadi contoh dan inspirasi buat adik-adiknya. Ayah beliau yang kini bekerja sendiri dalam bidang pertukangan, pernah kehilangan pekerjaan kerana masalah kewangan yang dialami oleh majikan beliau. Kesusahan yang dialaminya pada waktu itu menguatkan semangat beliau untuk merubah kehidupan keluarganya melalui pendidikan.



Setelah tamat SPM dan mendapat keputusan yang cemerlang iaitu sebanyak 9A, beliau telah disarankan oleh Penolong Kanan sekolah untuk mencuba nasib memohon biasiswa Peneraju Tunas Potensi ini. Hasil daripada permohonan dan temuduga tersebut beliau telah berjaya ditawarkan biasiswa dan kini merupakan 'anak' sulung Yayasan Peneraju. Sebelum melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan (Nutrisi) di *University of Queensland, Australia*, beliau telah menamatkan program persediaan A-Level di Kolej Yayasan UEM, Lembah Beringin selama dua tahun dengan jayanya.

Impian untuk melanjutkan pengajian ke luar negara sememangnya telah disemai semenjak di bangku sekolah lagi. Melihat pada keadaan kewangan keluarganya, tidak siapa sangka bahawa kini melalui Yayasan Peneraju, beliau berpeluang merealisasikan impiannya dan cita-citanya. Beliau berhasrat untuk menyambung ijazah kedua dalam bidang perubatan pula setelah tamat pengajian nanti.

Nur Izeni binti Jamil • 21 tahun •
Sibu, Sarawak



“Yayasan Peneraju telah memberikan sinar dalam hidup saya untuk meneruskan impian dan cita-cita untuk menjadi seorang doktor yang berjaya. Mereka bukan sahaja memberikan bantuan dalam bidang pendidikan namun membantu pembentukan sahsiah diri untuk menyiapkan para pelajar di bawah taajaan mereka untuk bersaing dengan pelajar-pelajar lain.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU TUNAS **FEBRIONY** POTENSI



Anak kedua daripada enam orang adik-beradik ini mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jitra, Kedah sebelum menyambung pengajian di Kolej MARA, Seremban. Memandangkan ibunya tidak bekerja dan merupakan suri rumah sepenuh masa, pendapatan keluarganya hanya bergantung kepada hasil penjualan kelapa sawit oleh bapanya yang menjana sekitar RM600 hingga RM900 sebulan.

Walaupun hidup susah, sejak kecil lagi beliau dan adik-adiknya telah didedahkan tentang kepentingan pendidikan. Menyedari kesusahan hidup keluarganya, Febriony serta adik-adiknya berazam untuk belajar bersungguh-sungguh serta mencapai keputusan yang cemerlang dengan harapan untuk mendapat pembiayaan pendidikan dan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Berkat usahanya, beliau telah berjaya mendapat keputusan peperiksaan SPM sebanyak 8A sekaligus melayakkan Febriony untuk mendapat tawaran melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik di *University of Manchester, United Kingdom* melalui program pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi. Kini beliau sangat gembira kerana biasiswa yang diterimanya ini, sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban keluarganya.

**Febriony Justin • 20 tahun •
Kg. Popot, Sabah**

“Pembiayaan pendidikan Peneraju Tunas Potensi telah membantu meringankan beban keluarga saya. Di samping itu, program Peneraju Tunas Potensi bukan hanya berbentuk kewangan sahaja malahan turut menyediakan program Pembangunan dan Pemupukan Pelajar yang bertujuan untuk mempertingkatkan sahsiah diri, kemahiran komunikasi, penguasaan Bahasa Inggeris dan lain-lain.”



#Ini Cerita Saya

Kisah-kisah Inspirasi

Peneraju Skil



Program pembiayaan latihan pembangunan kemahiran yang meliputi pelbagai industri dengan peringkat pengiktirafan industri dan antarabangsa.

Terbahagi kepada dua segmen; Peneraju Skil Iltizam (pelajar keciciran) dan Peneraju Skil (pekerja mahir).

KISAH INSPIRASI PENERAJU SKIL MOHAMAD FAIZAL ILTIZAM ANIMASI



Faizal merupakan seorang graduan program Asasi Sains Fizikal daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ayahnya seorang pesara dan pernah berkhidmat sebagai askar lebih dari 30 tahun dan ibunya pula merupakan seorang suri rumah sepenuh masa. Faktor usia dan keadaan kedua-dua ibu bapanya yang tidak sihat, tidak mengizinkan beliau untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi tidak membebankan kedua ibu bapanya, beliau nekad bekerja untuk menampung kos rawatan ayahnya di kampung yang menghidap penyakit strok dan lumpuh separuh badan. Sebagai anak lelaki, beliau rasa bertanggungjawab untuk menanggung segala perbelanjaan keluarganya.

Namun begitu, atas minat yang mendalam terhadap bidang lukisan dan animasi, Faizal telah memutuskan untuk menyertai program Peneraju Skil Iltizam Animasi di bawah tajaan Yayasan Peneraju. Program yang mengambil masa enam bulan ini menawarkan biasiswa penuh serta menjamin peluang pekerjaan selepas tamat latihan. Sedikit sebanyak biasiswa tersebut telah membantu beliau bagi menampung perbelanjaan seharian di sepanjang tempoh latihan.

Anak ketujuh daripada lapan orang adik beradik ini akhirnya telah berjaya menamatkan program ini sebagai animator 2D yang diiktiraf oleh *Toon Boom*. Kini, Faizal bekerja di *Avant Garde Sdn. Bhd.* sebagai *Concept Artist & Designer* dan mendapat gaji sekitar RM1,500 sebulan.

**Mohamad Faizal bin Jaafar • 21 tahun •
Muar, Johor**

“Banyak ilmu yang saya pelajari sepanjang program ini boleh digunakan di alam pekerjaan. Saya berharap dengan serba sedikit sumbangan yang saya berikan dalam bidang animasi ini dapat membangunkan industri animasi tempatan ke tahap yang lebih tinggi. Saya telah diberi sepenuh kepercayaan oleh majikan untuk menjadi seorang *storyboard artist*.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU SKIL
AMIN
ILTIZAM INDUSTRI MINYAK & GAS
(BLASTING & PAINTING)



Amin merupakan salah seorang penerima pembiayaan di bawah program Peneraju Skil Iltizam Industri Minyak dan Gas (*Blasting & Painting*). Dibesarkan oleh sebuah keluarga yang sederhana, beliau merupakan anak kedua daripada empat orang adik-beradik. Ayahnya bekerja sebagai seorang pembantu pekerja am di kem tentera dengan pendapatan sekitar RM1,000 sebulan manakala ibunya pula seorang suri rumah sepenuh masa.

Sebelum menyertai program ini, Amin bekerja sebagai atendan pam minyak dengan gaji bulanan sebanyak RM600 sebulan. Beliau mula berminat untuk menjalani program ini selepas seorang kenalan beliau menyatakan bahawa pekerjaan di dalam industri minyak dan gas menawarkan gaji yang sangat lumayan dan masa depan yang cerah seperti kenaikan gaji dan pangkat.

Berbekal tekad dan inspirasi untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga dan dirinya, Amin berjaya menamatkan program ini selepas tiga bulan dengan memperolehi pensijilan *IMM Blaster dan Painter Level 2*. Kini, sudah 10 bulan beliau bekerja di *Nomad Engineering*, Pasir Gudang, Johor dengan mendapat gaji bulanan sebanyak RM2,500 sebulan.

Amin bin Aman • 22 tahun •
Sandakan, Sabah

“Tanpa bantuan biasiswa daripada Yayasan Peneraju, saya mungkin tidak berpeluang menceburi bidang ini kerana kosnya sangat mahal. Program ini sangat bagus bagi mereka yang ingin membina kerjaya dalam bidang industri minyak dan gas dan telah memberi peluang kepada saya untuk meningkatkan kemahiran diri daripada seorang atendan pam minyak kepada seorang *Certified Blaster and Painter*.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU SKIL
KHAIRUDIN
ILTIZAM INDUSTRI MINYAK & GAS
(SCAFFOLDING)



Setelah tamat persekolahan di Sekolah Menengah Teknik Taiping dan memperolehi keputusan SPM yang kurang memberangsangkan, Mohamad Khairudin mula bekerja sebagai pengendali mesin di sebuah kilang papan lapis dengan gaji bulanan hanya sekitar RM900 sebulan. Menyedari susah payah bapanya yang bekerja sebagai seorang pegawai keselamatan dan ibunya yang bekerja sebagai seorang tukang cuci, anak kedua daripada enam orang adik-beradik ini berusaha untuk memajukan dirinya dan mengambil keputusan untuk menyertai Program Peneraju Skil Itlizam Industri Minyak dan Gas (*Scaffolding*).

Berkat kesabaran serta kesungguhan beliau untuk mengubah kehidupan keluarganya, beliau telah berjaya menamatkan program pensijilan *DOSH Scaffolding Level 1* yang dijalankan selama tiga bulan. Kini beliau berkhidmat sebagai seorang *Scaffolder (Work Leader)* di Lumut dengan syarikat *RM Leopad Sdn Bhd* yang merupakan kontraktor utama untuk *SapuraKencana*. Gaji bulanan beliau kini mencecah sehingga RM3,000 sebulan.

**Mohamad Khairudin bin Saleh • 21 tahun •
Sungai Petani, Kedah**

“Saya nekad untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian bagi mengubah kehidupan keluarga saya dan telah membuat keputusan untuk mencuba nasib dengan memohon program Yayasan Peneraju iaitu program Peneraju Skil Itlizam Industri Minyak dan Gas (*Scaffolding*).”



KISAH INSPIRASI PENERAJU SKIL
SYAFIQ HAIKAL
ILTIZAM INDUSTRI PELABUHAN
(PRIME MOVER OPERATOR)



Mohd Syafiq Haikal merupakan salah seorang daripada kumpulan pertama yang menerima pembiayaan di bawah program Peneraju Skil Itlizam Industri Pelabuhan (*Prime Mover Operator*). Anak bongsu daripada 14 orang adik-beradik ini dibesarkan oleh ayahnya, seorang pesara di Jabatan Kerja Raya dan ibunya yang merupakan suri rumah sepenuh masa.

Syafiq sering merasa rendah diri dan kurang keyakinan diri kerana mendapat keputusan peperiksaan yang kurang memberangsangkan sehinggalah beliau menyertai program ini. Beliau pernah bekerja sebagai operator di kilang buku dengan gaji bulanan hanya sebanyak RM1,100. Berbekal semangat ingin berjaya dan mengubah nasib keluarga, beliau telah menyertai program Peneraju Skil Itlizam Industri Pelabuhan (*Prime Mover Operator*) dan dengan jayanya menamatkan program yang dijalankan selama tiga bulan ini.

Kini, Syafiq boleh berbangga kerana memperolehi lesen D yang membolehkannya untuk menjadi seorang pemandu *prime mover* di Westports sejak pertengahan tahun 2013 dan mendapat gaji di antara RM1,600 sehingga RM2,800 sebulan. Sasaran beliau seterusnya adalah untuk menjadi *stacker operator* dalam tempoh tiga hingga empat tahun yang akan datang dan kemudian sehingga beliau berjaya menjadi *crane operator*.

Mohd Syafiq Haikal bin Saat • 20 tahun •
Gua Musang, Kelantan



“Saya berasa sangat bersyukur semasa menerima gaji pertama kerana walaupun jumlahnya tidak seberapa tetapi saya sudah dapat membeli kereta dengan menggunakan wang daripada mata pencarian saya sendiri.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU SKIL
MAYINNY
ILTIZAM PENJAGAAN KESIHATAN
(KOSMETOLOGI)




Mayinny lahir dalam sebuah keluarga yang berpendapatan rendah di mana ibu bapanya bekerja sebagai petani dengan pendapatan di bawah RM1,000 sebulan. Anak sulung daripada empat orang adik-beradik ini hanya memiliki kelayakan akademik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun ini bukanlah halangan untuk beliau mengikuti kursus yang ditawarkan oleh Yayasan Peneraju dan ternyata kursus ini telah berjaya mengubah kehidupan beliau.

Pertama kali menjejakkan kaki di Rozsall Beauty Academy, beliau tidak mempunyai rakan dan membuatkan beliau merasa sunyi. Namun begitu, Mayinny memberanikan diri untuk bergaul dengan rakan-rakan baru di Rozsall. Selepas seminggu, beliau gembira kerana mempunyai ramai kenalan yang datang dari pelbagai bangsa dan daerah. Di sini juga beliau mempelajari pelbagai jenis kemahiran serta perkara baru yang menjadikan beliau lebih berpengetahuan. Mayinny telah menamatkan program ini selepas enam bulan dan berjaya memperolehi *City & Guilds UK Level 3 Diploma in Beauty Therapy Techniques*.

Beliau bertekad mengubah nasibnya di Kuala Lumpur dan telah berjaya mendapat pekerjaan di *Marie France Bodyline*, dan menjana pendapatan sekitar RM1,700 sebulan. Ini merupakan pekerjaan pertamanya dan beliau gembira kerana telah dapat membantu meringankan beban keluarganya di kampung. Beliau telah dapat membuktikan bahawa walaupun beliau terpaksa menempuhi pelbagai cabaran di tempat kerja, berbekalkan semangat dan keinginan yang tinggi, usaha pasti membuahkan kejayaan.

Mayinny binti Tarom • 19 tahun •
Keningau, Sabah

“Setelah selesai menjalani kursus selama enam bulan, saya sangat bersyukur dan gembira kerana tidak perlu bersusah-payah untuk mencari pekerjaan. Ini kerana Rozsall sudahpun menyediakan peluang pekerjaan bagi kesemua penerima pembiayaan pendidikan di bawah tajaan Yayasan Peneraju.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU SKIL **NURAINI** ILTIZAM OPERASI KAUNTER HADAPAN (FRONT OFFICE OPERATIONS)



Nuraini merupakan anak keenam daripada tujuh orang adik-beradik. Ayahnya menyara keluarga dengan bekerja sebagai penternak rumpai laut dan hanya menjana pendapatan sekitar RM1,000 sebulan manakala ibunya pula tidak bekerja. Selepas tamat persekolahan, Nuraini gigih melakukan pelbagai kerja sambil untuk membantu keluarganya. Pekerjaan terakhir beliau sebelum menyertai program Peneraju Skil Itlizam Operasi Kaunter Hadapan adalah menjadi penari kebudayaan di Kota Kinabalu dan menerima bayaran sebanyak RM600.

Berkat kesungguhan dan azam tekad untuk berjaya, beliau memilih untuk menjalani program Peneraju Skil Itlizam Operasi Kaunter Hadapan selama enam bulan dan telah berjaya memperolehi pensijilan *Executive Certificate in Front Office Operations*. Beliau kini bekerja di *Hotel Boulevard*, Mid Valley dengan pendapatan bulanan sebanyak RM2,400. Selain mempunyai disiplin yang tinggi, Nuraini sering mendapat pujian dan maklum balas yang positif daripada penyelia mengenai prestasi kerjanya.

**Nuraini binti Gastan • 20 tahun •
Semporna, Sabah**



“Saya berasa lebih yakin dengan diri sendiri, bersikap positif, berdisiplin dan berupaya untuk berkomunikasi di khalayak ramai dengan baik, mampu berkomunikasi dalam bahasa Inggeris serta sangat aktif sepanjang program ini dijalankan.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU SKIL
NORALINA
ILTIZAM PENJAGAAN KESIHATAN
(TERAPI SPA)



Noralina yang merupakan anak ketiga daripada empat orang adik-beradik dibesarkan sendiri oleh ibunya dalam persekitaran yang cukup mencabar. Bapanya meninggalkan keluarganya sewaktu beliau berusia lapan tahun dan beliau menyaksikan jerih perih ibunya mencari rezeki dengan menjual tembakau dari kedai ke kedai bagi memastikan kesemua anaknya menerima pendidikan yang sempurna walaupun pada masa itu, perniagaan tembakau tidaklah menguntungkan.

Pada tahun 2004, mereka sekeluarga terlibat dalam kemalangan jalan raya dan Noralina telah tercedera dan memerlukan pembedahan di bahagian muka dan hidungnya. Ibunya berusaha keras mencari sumber kewangan untuk membiayai kos rawatannya dengan mengambil upah sebagai pencari bunga orkid di hutan dan menjual hasil kutipan di pasar. Noralina berazam untuk mengubah kehidupan keluarga demi membalas segala jasa dan pengorbanan ibunya selama ini.

Memandangkan bidang kecantikan amat diminati oleh Noralina, beliau telah menerima tawaran untuk mengikuti program Peneraju Skil Itlizam Terapi Spa di *Rozsall Beauty Academy*.

Berkat kesungguhan dan azam yang kuat, beliau berjaya menamatkan program ini dengan jayanya dan kini bekerja di *The Club Med Spa* Cherating dengan gaji bulanan sekitar RM3,000. Noralina telah membuka sebuah nurseri orkid sebagai hadiah buat ibunya dengan hasil pencariannya sendiri.

**Noralina binti Alias • 22 tahun •
Ranau, Sabah**

“Selain daripada dapat mempelajari bidang kecantikan dengan lebih mendalam, program ini telah banyak mengubah diri saya untuk belajar hidup berdikari dan saya juga berpeluang mengenali rakan-rakan baru yang berlainan bangsa dan agama.”

KISAH INSPIRASI PENERAJU SKIL MUHAMMAD JUNAIDI JURUKIMPAL



Muhammad Junaidi Omar adalah anak keempat daripada sembilan orang adik-beradik. Keluarganya ditanggung oleh bapanya yang bekerja sebagai seorang penoreh getah dan ibunya adalah merupakan suri rumah sepenuh masa. Atas kesungguhan beliau untuk meningkatkan kesejahteraan keluarga dan dirinya, beliau menyertai program Peneraju Skil Jurukimpal, iaitu latihan peningkatan kemahiran dari SKM 3 atau setaraf dengannya untuk dinaiktaraf ke kelayakan 6G.

Pada awalnya, Junaidi memutuskan untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan *Lloyd's Register* 3G kerana berasa sukar untuk mendapat peluang pekerjaan kerana keputusan akademiknya yang tidak berapa baik. Akan tetapi, nasib beliau kurang baik kerana masih sukar untuk mendapat pekerjaan dalam bidang kimpalan walaupun telah memiliki kelayakan SKM Tahap 3 dan *Lloyd's Register* 3G. Junaidi pernah berkhidmat di *ROHA UTHO Industry*, Bentong dengan menerima gaji bulanan sebanyak RM1,500 sebagai jurukimpal.

Selepas tiga bulan menyertai program Peneraju Skil Jurukimpal kelolaan Yayasan Peneraju, Junaidi kini bekerja di *SapuraKencana* dengan memperolehi pendapatan sekitar RM4,000 sebulan. Junaidi berasa sangat bersyukur kerana kini dia mampu membantu keluarganya di kampung dengan gaji yang melebihi jangkaannya sebelum menyertai program ini.

**Muhamad Junaidi Bin Omar • 24 tahun •
Chenor, Pahang**



“Gaji bulanan yang tidak mencukupi untuk membantu keluarga, menjadikan saya nekad untuk mendapatkan pekerjaan dalam industri yang berpendapatan tinggi seperti minyak dan gas dan mendaftarkan diri saya untuk menjalani program ini kerana pelatih turut ditawarkan pekerjaan selepas tamat tempoh latihan.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU SKIL MOHD ZULFADLY INSPEKTOR KIMPALAN



Zulfadly, anak ketiga daripada empat orang adik-beradik ini dibesarkan oleh ibunya yang bekerja sebagai pentadbir di bahagian Pentadbiran Akaun dan ayahnya seorang pesara yang pernah mengusahakan perniagaan cuci kereta selama tujuh tahun. Beliau memulakan kerjayanya sebagai seorang QC Technician di sebuah syarikat sub-kontraktor di *Malaysia Marine Heavy Engineering* (MMHE) dengan bayaran sebanyak RM1,200 sebulan setelah memiliki kelayakan *Certificate in Metal Fabrication and Basic Engineering*.


Minat yang mendalam dalam industri minyak dan gas bermula apabila beliau bekerja sebagai *welding technician* dengan MMHE selama lapan bulan dengan gaji sebanyak RM3,000 sebulan sebelum menyertai program Peneraju Skil Inspektor Kimpalan di bawah tajaan Yayasan Peneraju.

Kini, Zulfadly bekerja sebagai *Piping Field Engineer* di sebuah syarikat *Bechtel Oil, Gas & Chemical* yang kini giat dalam pembinaan *Project LNG Wheatstone* di *SapuraKencana Yard, Lumut*. Beliau sangat bersyukur kerana memperolehi gaji purata sebanyak RM17,000 sebulan walaupun mempunyai kelayakan akademik yang tidak memberangsangkan. Dengan memiliki pensijilan CSWIP 3.1, beliau berpeluang untuk bekerja di luar negara dan memenuhi keinginannya selama ini untuk memiliki motosikal berkuasa tinggi. Beliau bakal menamatkan zaman bujangnya tidak lama lagi.

Mohd Zulfadly bin Abdul Razzaq • 26 tahun • Taiping, Perak



“Atas minat yang mendalam dalam bidang ini, saya telah menyertai Program Peneraju Skil Inspektor Kimpalan dan berjaya menamatkan program ini dalam tempoh dua bulan dan mendapat pensijilan CSWIP 3.1 yang diiktiraf oleh industri antarabangsa.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU SKIL **NIK SYIFA** PERAKAUNAN



Graduan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi Antarabangsa sebelum mengikuti program Peneraju Skil Perakaunan di bawah tajaan Yayasan Peneraju. Program ini telah menyedarkan beliau mengenai kepentingan untuk mendapatkan pensijilan asas profesional khususnya dalam kariernya sebagai seorang Eksekutif Strategi Korporat di Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) - KWAP yang banyak memerlukan pengetahuan asas yang kukuh dalam bisnes, perakaunan, kewangan korporat dan pengurusan projek. Selepas membandingkan beberapa pensijilan asas, beliau telah membuat keputusan untuk mengikuti kelayakan profesional CIMA-CBA di bawah program ini.

Program ini telah memberi banyak manfaat kepada beliau daripada pelbagai aspek, bukan sahaja secara profesional malahan secara peribadi (*soft skills*). Selain itu, program ini turut membantu beliau menggilap kemahiran menguruskan masa dan menjadi seorang yang lebih teratur dan berdisiplin.

Daripada aspek profesionalisme pula, beliau kini memahami dengan lebih mendalam mengenai skop kerjanya seperti ramalan, belanjawan, penyelidikan pasaran, analisis varians, perancangan bisnes serta menjadikan kerjanya lebih efisien dan efektif. Beliau telah berjaya menamatkan program ini dalam tempoh lapan bulan dan berasa amat bersyukur kerana dengan pensijilan asas yang diperolehinya sekarang, ia telah membuka peluang sekiranya dirinya ingin mengambil kelayakan pensijilan profesional CIMA pada masa akan datang.

“Program Peneraju Skil Perakaunan ini merupakan program separuh masa jadi ia sangat bersesuaian bagi individu seperti saya yang mempunyai pekerjaan tetap tetapi ingin mengambil kelayakan pensijilan profesional sebagai permulaan untuk membina *career advancement*.”

Nik Syifa Aziz • 27 tahun •
Gombak, Selangor



#Ini Cerita Saya

Kisah-kisah Inspirasi
Peneraju Profesional



Program pembiayaan latihan pembangunan bagi membantu Bumiputera mendapatkan pensijilan profesional dan program spesialis dalam bidang-bidang profesional seperti perakaunan, kewangan, kejuruteraan dan lain-lain.

KISAH INSPIRASI PENERAJU PROFESIONAL **NUR IZZATI** AKAUNTAN MUDA (PPAM)



Nur Izzati merupakan pelajar semester satu di INTEC Education College dalam jurusan Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) di bawah tajaan program Peneraju Profesional Akauntan Muda (PPAM). Sebelum ini beliau telah mengambil kelayakan *Certified Accounting Technician* (CAT) di bawah tajaan yang sama.

Ibu dan bapanya meletakkan harapan yang tinggi kepada Izzati kerana beliau merupakan satu-satunya dalam keluarga yang mengambil kelayakan pensijilan ACCA. Memandangkan adik beradiknya masih belajar di Institut Pengajian Tinggi dan keluarganya hanya ditanggung oleh ibunya kerana ayahnya sudah lama bersara, mereka terpaksa cermat berbelanja untuk menampung kos pengajian yang tinggi.

Rata-rata pensijilan ACCA dianggap sebagai a *tough certification*, memerlukan penguasaan Bahasa Inggeris yang baik, kos yang tinggi serta bilangan institusi yang menawarkan pengajian ACCA amat terhad.

Namun, kesukaran ini tidak mematahkan semangat Izzati untuk menerima tawaran daripada Yayasan Peneraju kerana pembiayaan ini merangkumi yuran pengajian dan pensijilan, tempat tinggal dan elaun sara diri. Selain itu, Yayasan Peneraju sentiasa memastikan bahawa pelajar dibimbing oleh tenaga pengajar yang terbaik disamping menyediakan segala bahan pembelajaran yang mencukupi.

**Nur Izzati bin Ismail • 19 tahun •
Subang Jaya, Selangor**

“Setelah berfikir masak-masak serta berbincang bersama ahli keluarga, saya menerima tawaran Yayasan Peneraju memandangkan sewaktu mengambil kelayakan CAT juga saya selesai berada di bawah tajaan Yayasan Peneraju. Yayasan Peneraju banyak membantu meringankan beban saya. Saya dan rakan-rakan ibarat ditatang bagai minyak yang penuh.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU PROFESIONAL
LILY SORAYA
AKAUNTAN MUDA (CPPAM)




Lily merupakan pelajar aliran sains tulen dan telah memperolehi keputusan 6A 3B sewaktu menduduki SPM pada tahun 2012. Atas nasihat keluarga, beliau telah mengambil kelayakan pensijilan profesional, *Certificate in Finance, Accounting and Business* (CFAB) di *Sunway University* kerana institusi tersebut menawarkan sistem *Fast Track* bagi lepasan SPM yang ingin meneruskan pelajaran ke peringkat kelayakan profesional *Institute of Chartered Accountants in England and Wales* (ICAEW).


Kesukaran menguasai subjek perakaunan pada semester pertama membuatkan beliau hampir berputus asa. Namun dorongan keluarga menguatkan semangat beliau untuk berusaha keras sehinggalah beliau berjaya menamatkan semua peperiksaan CFAB dan membuat latihan amali di Grant Thornton selama tiga bulan. Menerusi program ini, Lily sangat tekun belajar sehingga beliau berjaya menjadi seorang *Chartered Accountant* (CA) dan dijangka memulakan latihan amali di *Approved Training Employers* (ATE) pada pertengahan 2016.

Beliau yang dijangka akan tamat menduduki semua peperiksaan profesional pada tahun 2019 berharap dapat membantu mencapai sasaran Negara dalam usaha menghasilkan lebih ramai akauntan Bumiputera yang bertauliah. Sesungguhnya beliau amat berterima kasih kerana Yayasan Peneraju telah memberi peluang, latihan dan sokongan bagi membolehkan beliau mencapai impian dan cita-citanya.

Lily Soraya Mudsakir • 20 tahun •
Kuala Lumpur



“Saya mengetahui mengenai biasiswa Yayasan Peneraju pada hari terakhir permohonan dibuka. Saya mencuba nasib dengan menghantar permohonan di atas talian dan tanpa disangka saya telah ditawarkan biasiswa dalam masa singkat dan proses yang cukup mudah. Bantuan biasiswa membolehkan saya meneruskan pensijilan ICAEW tanpa membebankan kewangan keluarga.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU PROFESIONAL **MARZIDAWATI** AKAUNTAN (PPA)



Marzidawati telah menduduki SPM pada tahun 2006 dan memperolehi keputusan yang melayakkan beliau untuk menyambung pengajian Diploma *Fast Track* di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan sekaligus meneruskan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan dengan tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau berhasrat untuk mengambil kelayakan pensijilan profesional *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) dan telah mendapat tahu mengenai pembiayaan yang ditawarkan oleh pihak Yayasan Peneraju melalui seorang rakannya. Nekat untuk mencuba nasib mendapatkan pembiayaan, beliau menghantar permohonan di atas talian dan telah mendapat maklum balas daripada Yayasan Peneraju untuk hadir ke temuduga. Akhirnya beliau berjaya ditawarkan biasiswa dan diberikan peluang pekerjaan di salah sebuah firma audit terkemuka di Malaysia.

Kini, Marzidawati merupakan graduan pertama di bawah program Peneraju Profesional Akauntan (PPA) dan berjaya menamatkan pengajian di peringkat profesional dan menerima pensijilan ACCA. Pada akhir bulan November 2015, beliau mencatatkan tiga tahun pengalaman bekerja dalam pengauditan di BDO Malaysia dan seterusnya layak bergelar akauntan bertauliah di Malaysia.

**Marzidawati Mohamad • 26 tahun •
Kuantan, Pahang**



“Saya amat berterima kasih kepada Yayasan Peneraju di atas peluang, latihan dan sokongan yang diberikan di sepanjang tempoh ini dan berharap dapat membantu merealisasikan hasrat negara untuk menghasilkan lebih ramai akauntan Bumiputera bertauliah.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU PROFESIONAL **NUR ATIKAH** AKAUNTAN (PPA)



Nur Atikah memegang ijazah dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik dari *University of Illinois Urbana-Champaign*. Walaupun telah bekerja di Tenaga Nasional Berhad (TNB), minat yang mendalam terhadap bidang kewangan telah mendorong beliau untuk menyertai Program Peneraju Profesional Akauntan (PPA).

Beliau memohon untuk menyertai program ini setelah melihat iklan yang diterima menerusi e-mel dan berjaya ditawarkan untuk menyertai program dengan penempatan di firma audit, BDO Malaysia sambil mengambil pensijilan kelayakan profesional *Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)* secara separuh masa. Walaupun tidak mempunyai latar belakang dalam bidang perakaunan, program yang disusun oleh Yayasan Peneraju dan Sunway-TES telah memudahkan transisinya ke dalam bidang ini.

Setakat ini, beliau berjaya lulus semua ujian kelayakan ICAEW yang didudukinya tanpa ulangan peperiksaan dan dijangka akan menghabiskan semua ujian pada Disember 2016, sekaligus menamatkan program ini dalam tempoh empat tahun untuk menjadi seorang akauntan yang bertauliah. Sebaik sahaja tamat pengajian, beliau layak mendaftar sebagai Akauntan Profesional di bawah ICAEW dan *Malaysian Institute of Accountant (MIA)*. Perjalanan beliau untuk menjadi seorang akauntan bertauliah di bawah program ini telah memberi beliau pengalaman yang luas dalam pelbagai industri ekonomi hasil penempatan di BDO Malaysia.

**Nur Atikah binti Paimin • 29 tahun •
Kuala Lumpur**

“Program yang distruktur khas oleh Yayasan Peneraju dengan kerjasama Sunway-TES ini telah memberi peluang kepada seorang pelajar kejuruteraan seperti diri saya untuk beralih ke dunia perakaunan.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU PROFESIONAL
ABBY ASHRAFF
PENSIJILAN PERAKAUNAN (PPPP)



Abby Ashraff Saprudin merupakan seorang pensyarah perakaunan di *Multimedia University, Cyberjaya*. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) (MMU) dan memegang Ijazah Sarjana Perniagaan dan Teknologi Maklumat dari *University of Melbourne*. Beliau kini di tahun akhir pengajian PhD dan pada masa yang sama telah diberi peluang untuk melanjutkan kursus profesional perakaunan di bawah tajaan Yayasan Peneraju pada bulan Ogos 2014.

Pada peringkat awalnya, beliau tidak merancang untuk mengambil mana-mana kursus profesional kerana ingin memberi fokus terhadap tesisnya yang akan memasuki tahun akhir. Namun tawaran untuk melanjutkan pelajaran oleh pihak *Certified Practising Accountants (CPA) Australia* beserta dengan biasiswa oleh pihak Yayasan Peneraju amat sukar ditolak. Setelah memenuhi prasyarat tertentu dan menjalani latihan, pensyarah muda ini telah berjaya mendapatkan biasiswa dan kini sudah lebih setahun berada di bawah tajaan Yayasan Peneraju dan bakal menamatkan pengajiannya pada bulan April 2017.

Cabaran yang dilaluinya sebagai seorang pensyarah dan pelajar separuh masa banyak mengajar beliau tentang pentingnya pengurusan masa. Bagi beliau, tanpa sokongan dan dorongan daripada keluarganya agak sukar untuk beliau memperolehi kekuatan untuk menghabiskan kesemua tugas yang diberikan.

Abby Ashraff Saprudin • 34 tahun •
Shah Alam, Selangor

“Terima kasih buat Yayasan Peneraju kerana membuka ruang dan peluang kepada saya untuk saya terus memajukan diri dan kerjaya saya. Harapan saya agar peluang yang sama juga akan diambil oleh rakan-rakan dan bakal-bakal akauntan di luar sana.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU PROFESIONAL **ANALELLA** PENSIJILAN PERAKAUNAN (PPPP)



Analella telah bekerja di Semenanjung selepas tamat pengajian dalam Ijazah Perakaunan (Kepujian) di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Samarahan sejak tahun 2013. Beliau telah menyimpan impian untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang profesional perakaunan iaitu *Association of Certified Chartered Accountants (ACCA)* sejak dari zaman universiti lagi.

Walaupun berasal dari keluarga yang sederhana dan bapanya bekerja sebagai pemandu lori, beliau berazam untuk membuat simpanan disamping mencari biasiswa untuk menyambung pengajiannya itu. Beliau telah cuba memohon untuk menyertai program Peneraju Profesional Pensijilan Perakaunan (PPPP) ini sejak dari tahun 2013 lagi tetapi tidak berjaya. Tanpa berputus asa beliau telah cuba untuk memohon kembali untuk kemasukan kedua pada tahun 2014, dan setelah melalui ujian pertama dan program pementapan kerjaya (CDP) selama enam minggu, usaha beliau membuahkan hasil.

Di sepanjang tempoh pengajian, beliau terpaksa berkorban masa pada setiap hujung minggu. Kesukaran mengatur masa di antara kerjaya dan pelajaran membuatkan beliau hampir putus asa, namun memikirkan peluang yang bukan mudah untuk diperolehinya beliau menguatkan semangat dan meneruskan pengajian. Kini, beliau telah berjaya lulus dua daripada lima subjek yang perlu beliau hadapi dan bakal menduduki peperiksaan untuk subjek P2 iaitu *Corporate Reporting* pula. Analella dijangka akan menamatkan program ini pada bulan Disember 2016.

**Analella anak Intai • 27 tahun •
Engkili, Sarawak**

"Saya sangat berterima kasih kepada Yayasan Peneraju atas peluang yang diberikan untuk melanjutkan pelajaran dalam kursus ACCA. Kini saya bekerja sebagai seorang akaun eksekutif di PRIMA dan berharap agar saya dapat lulus dalam kursus ini untuk menjadi seorang *Chartered Accountant (CA)*."



KISAH INSPIRASI *PENERAJU PROFESIONAL*
SIGA ADAU
JURUTERA PESAWAT BERLESEN



Siga Adau mempunyai impian yang tinggi untuk menyertai industri aeroangkasa. Minat yang mendalam sejak kecil disertai dengan dorongan oleh ayah beliau yang bekerja sebagai pembantu tadbir di Sekolah Rendah Airport Belaga dan ibunya yang merupakan seorang suri rumah membuatkan beliau memilih untuk menceburi bidang ini.

Tambahan pula, neneknya sentiasa bercerita pengalaman beliau tentang perjalanan menaiki kapal terbang dari Belaga ke bandar yang berdekatan di Sarawak. Pada waktu itu, hanya kapal terbang kecil sahaja yang beroperasi menjadikan beliau tertarik untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai bidang tersebut. Atas minat dan tekad untuk bekerja di dalam industri ini, beliau telah menolak tawaran dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam jurusan Diploma Industri Kimia untuk mengejar impiannya menjadi jurutera pesawat berlesen.

Siga kini adalah salah seorang daripada dua orang pelatih wanita dalam kemasukkan kohortnya yang berjaya melepasi syarat dan peperiksaan yang membolehkan beliau diserapkan ke dalam program Peneraju Profesional Jurutera Pesawat Berlesen. Beliau kini sedang menjalani latihan dalam industri di Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan dijangka akan menamatkan program ini pada Julai 2019.

Siga Adau • 19 tahun •
Belaga, Sarawak



“Pihak Yayasan Peneraju telah pun memberikan peluang kepada saya untuk memasuki bidang ini dan telah membantu daripada segi kewangan. Demi masa depan yang lebih cerah, saya tidak akan mensia-siakan peluang yang ada ini dan berharap agar tempoh lima tahun yang diberikan ini akan berjalan dengan lancar agar saya dapat mencapai impian saya.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU PROFESIONAL **GIBSON GELASIOUS** JURUTERA PESAWAT BERLESEN



Gibson Gelasius merupakan anak seorang pengurus ladang kelapa sawit manakala ibunya pula merupakan suri rumah sepenuh masa. Pelbagai cabaran dan rintangan daripada segi mental, fizikal dan kewangan perlu beliau hadapi demi mengejar cita-cita untuk menjadi jurutera kapal terbang. Beliau masih ingat lagi sewaktu memberitahu cita-citanya itu kepada kawan-kawannya, mereka menafikan kebolehan beliau daripada segi fizikal kerana bertubuh kecil. Beliau juga hampir berputus asa apabila keluarganya juga menyatakan bahawa kos ini memerlukan wang ringgit yang banyak dan tidak mencukupi untuk menanggung perbelanjaan sekolah adik-beradiknya.

Kehadiran Yayasan Peneraju telah mengubah kehidupan beliau kerana telah memberikan peluang yang sungguh luar biasa dengan menawarkannya untuk mengikuti kursus Pengajian Asas Kejuruteraan di bawah program Peneraju Tunas Potensi pada tahun 2013. Beliau kemudiannya berpindah ke program Peneraju Skil Juruteknik Pesawat Berlesen pada tahun 2014. Beliau pastinya akan menggunakan peluang yang datang sekali seumur hidup ini dengan sebaik mungkin.

Beliau adalah salah seorang daripada 15 pelatih dalam kemasukkan kohortnya yang berjaya melepasi syarat yang membolehkan beliau diserapkan ke dalam program Peneraju Profesional Jurutera Pesawat Berlesen. Kini, beliau sedang menjalani latihan dalam industri di Malaysia Airlines Berhad (MAB). Seperti Siga Adau, Gibson juga dijangka akan menamatkan program ini pada Julai 2019.

**Gibson Gelasius • 20 tahun •
Sandakan, Sabah**



“Dengan menyertai program ini, cita-cita saya hanya perlu dicapai dengan usaha dan komitmen yang berterusan. Terima kasih Yayasan Peneraju kerana banyak membantu saya untuk sampai ke tahap ini. Kini beban keluarga saya telah berkurang dan cita-cita saya terjamin.”



KISAH-KISAH INSPIRASI PENERAJU PROFESIONAL
MUHAMMAD SHAFIQ
CHARTERED FINANCIAL ANALYST® (CFA®)



Muhammad Shafiq, anak ke-10 daripada 11 orang adik-beradik ini merupakan anak kepada seorang pemandu teksi, telah diajar untuk berdikari sejak kecil lagi dan mula bekerja separuh masa ketika di sekolah untuk menampung sebahagian daripada keperluan harian keluarga.

Hasil keputusan SPM yang cemerlang, beliau telah ditawarkan biasiswa untuk menampung pengajiannya di *University of Illinois*, USA dalam bidang Sains Aktuari. Setelah tamat pengajian beliau memulakan kerjaya di sebuah syarikat telekomunikasi terkemuka di Malaysia sebelum menyertai Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai Penganalisa Ekuiti dalam menguruskan dana persaraan rakyat Malaysia. Dalam usaha membolehkan beliau diiktiraf di kalangan ahli profesional pelaburan dan kewangan di peringkat global, beliau telah berjaya menamatkan sijil kelayakan profesional CFA® Peringkat I dan II dan bakal menduduki Peringkat III pada Jun 2016 hasil sokongan daripada Yayasan Peneraju.

Program *mentorship* Yayasan Peneraju banyak mendedahkan beliau kepada ahli-ahli profesional yang lebih berpengalaman di dalam bidang pelaburan dan kewangan di Malaysia. Bantuan yang diterima daripada pihak Yayasan dalam bentuk program pembangunan diri dan kerjaya ini juga turut membantu beliau dalam membina *soft skill* yang diperlukan bagi memajukan dirinya.


**Muhammad Shafiq bin Ab Majid • 26 tahun •
Selayang, Selangor**



“Saya menyertai program Peneraju Profesional CFA® sebagai sebahagian daripada aspirasi untuk mengembangkan kerjaya dan menyertai pengurusan atasan di firma pelaburan.”



KISAH INSPIRASI PENERAJU PROFESIONAL
WAN NADIRA
CHARTERED FINANCIAL ANALYST® (CFA®)



Wan Nadira yang bertugas di Bank Negara Malaysia, merupakan seorang graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan dari *London School of Economics* (LSE) selain memegang kelayakan *Chartered Institute of Management Accountants* (CIMA) Diploma dalam Kewangan Islam. Nadira mula diperkenalkan kepada program Peneraju Profesional CFA® ini sewaktu berada di tahun akhir pengajiannya. Beliau memohon untuk mengikuti program ini bagi pengambilan tahun 2014 dan berjaya meneruskan pengajian di peringkat professional secara separuh masa sejurus selepas memperolehi ijazah pada tahun yang sama.

Bagi menebus keputusan ijazah sarjana mudanya di *London School of Economics* yang padanya kurang memuaskan, Nadira menetapkan sasaran untuk mencapai Kepujian Penuh dalam pengajiannya untuk mendapatkan kelayakan CFA®. Beliau berjaya mendapat *full distinction* bagi peringkat pertama peperiksaan persijilan profesional CFA®. Memegang pepatah *if it's worth having, it's worth fighting* for Nadira amat bersyukur atas kesabaran, sokongan dan doa daripada kedua ibu bapanya yang amat memahami keinginannya.

Bantuan kewangan dalam bentuk yuran peperiksaan, kelas, dan buku-buku rujukan serta program-program pembangunan diri anjuran Yayasan Peneraju telah banyak memberi manfaat kepadanya. Selain itu, program *mentorship* Yayasan Peneraju juga telah membantu beliau berinteraksi secara rapat dengan pemegang kelayakan CFA® yang sudah berpengalaman dalam industri kewangan Malaysia.

"Sejujurnya, fasa ini mengajar saya bahawa *you can lead the horse to water, but you can't make it drink*. Peluang-peluang keemasan seperti biasiswa Yayasan Peneraju ini boleh terbuka luas dihadapan saya, tetapi tetap terpulang kepada saya untuk memanfaatkannya dengan sebaik mungkin."

Wan Nadira Zaiman • 23 tahun •
Shah Alam, Selangor



MIMPI JADI REALITI

OLEH KETUA EKSEKUTIF




Adik-Adikku

Kau pilih satu wawasan, dalam perjalanan mengejar mimpi, yang pasti nekadmu bulat
Walau pengakhiran tiada pasti, kau buru satu impian, tanam azam lekat dihati
Tiada toleh belakang, kau mahu terus terbang tinggi

Juang adikku juang, hidup memang penuh onak dan duri
Tabah adikku tabah, menyerah kalah jangan sekali
Cekal adikku cekal, terus berusaha kuatkan diri
Selagi nyawa dikandung badan, buktikan mimpimu kan jadi realiti

Adik-adikku

Hari semalam menjadi kenangan
Hari ini membina harapan
Hari-hari mendatang pasti penuh dengan cabaran
Bersedialah kau adikku untuk menghadapi masa depan



Bersujud padaNya adikku, mohon redha dari Tuhan yang Satu
Cium tangan ayah ibumu agar dirimu mendapat restu
Doa kami untukmu wahai adikku, agar jaya jadi milikmu
Semoga kau terus maju, kau belalah nasib diri dan keluargamu
Semoga kau terus cemerlang, jadi kebanggaan ayah ibu
Semoga kau terus gemilang, menyumbang pada bangsa, agama dan negaramu


Y.M. RAJA AZURA RAJA MAHAYUDDIN

24 OKTOBER 2015



Mengenai

Yayasan Peneraju



VISI & MISI



VISI

Pemangkin kepada peningkatan keupayaan Bumiputera dan perubahan minda ke arah mewujudkan komuniti yang berdaya saing di peringkat global.

MISI

- Menyediakan peluang pendidikan berkualiti dan latihan kepada Bumiputera
- Memupuk dan membangun bakat Bumiputera ke potensi tertinggi
- Menjalin usaha sama dan melengkapi pihak yang berkepentingan dalam mencapai agenda Bumiputera
- Menyediakan peluang pensijilan antarabangsa ke arah pekerjaan yang menjana pendapatan tinggi
- Mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan keluarga, pendidik dan komuniti



LATAR BELAKANG



PENUBUHAN

24 November 2011
dan mula beroperasi pada
14 Februari 2012



**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN
TUN HAJI ABDUL RAZAK**

Perdana Menteri

Merangkap Pengerusi
Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Peneraju




**YB SENATOR DATO' SRI
ABDUL WAHID BIN OMAR**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Kerja
Yayasan Peneraju

SASARAN



PROGRAM TERAS



PENERAJU TUNAS

Pelajar berkeputusan sederhana/cemerlang, berpotensi dan berlatar belakang mencabar



PENERAJU SKIL

1. Remaja kurang cenderung ke arah akademik
2. Individu dengan pensijilan TVET



PENERAJU PROFESIONAL

Lepasan SPM/ Pemegang Diploma dan Ijazah/Pensijilan Asas/Pensijilan Profesional



Pendapatan Tinggi



Peluang Pekerjaan



Pemupukan dan Pembangunan Diri




Pensijilan Profesional/ Antarabangsa/Industri



Pendidikan/Latihan Berkualiti



JUMLAH ENROLMEN (2012-2014)



INDUSTRI



Minyak, Gas dan Tenaga



Perkhidmatan Perniagaan



Perkhidmatan Kewangan



Elektrik dan Elektronik



Penjagaan Kesihatan



Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur



Pelancongan



Logistik

PROGRAM INTERVENSI GELOMBANG 1 (2012-2014)



PENERAJU TUNAS

LEPASAN UPSR

- Tunas Geliga

LEPASAN SPM/STPM

- Tunas Potensi



PENERAJU SKIL

MINYAK & GAS

- *Blasting and Painting*
- Pemasang Sistem Paip Mekanikal (*Pipefitter*)
- Insulasi Paip Gas (*Pipe Insulation*)
- Penyelaras Peralatan Berat (*Rigger*)
- Pemasang Perancah (*Scaffolding*)
- Pemasang Perancah - Persisiran luar pantai (*Scaffolding for Offshore*)
- Kimpalan (*Welding*)
- Inspektor Kimpalan (*Welding Inspector*)

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

- Juruteknik Pesawat Berlesen (*Licensed Aircraft Technician*)
- *Ship Hull and Superstructure Construction*

PERKHIDMATAN PELABUHAN

- *Prime Mover Operator*
- *Stowage Clerk*

PELANCONGAN

- *PADI Dive Master*
- Operasi Kaunter Hadapan (*Front Office Operations*)

KANDUNGAN KOMUNIKASI & INFRASTRUKTUR (CCI)

- Animasi

LAIN-LAIN

- Chargeman
- Kosmetologi
- Telekomunikasi
- Terapi Spa



PENERAJU PROFESIONAL

PERKHIDMATAN KEWANGAN

- Chartered Financial Analyst ® (CFA®)

PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

- *The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*
- *The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)*
- *The Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)*
- *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)*
- *CPA Australia (Certified Practising Accountants)*
- *The Certified Accounting Technician (CAT)*
- *The Certificate in Business Accounting (CBA) - CIMA*
- *Certificate in Finance, Accounting and Business (CFAB)*
- *Jurutera Pesawat Berlesen (Licensed Aircraft Engineer)*

PENCAPAIAN

GELOMBANG 1 (2012-2014)



PENERIMA FAEDAH

3,989

PERBELANJAAN SEBENAR

71.2
Juta

PURATA PERBELANJAAN

RM 17,849
seorang penerima faedah

HASIL

51

Program telah dijalankan meliputi

10

industri

KADAR KECICIRAN

2.2%

PENERIMA FAEDAH

YAYASAN PENERAJU



Dalam masa hanya 3 tahun, Yayasan Peneraju telah berjaya mengubah kehidupan hampir 4,000 individu dari pelbagai kumpulan Bumiputera di seluruh Malaysia.






Peneraju Tunas - 1,366 orang penerima faedah

Peneraju Skil - 2,233 orang penerima faedah

Peneraju Profesional - 390 orang penerima faedah





 facebook.com/YayasanPeneraju

 [@YayasanPeneraju](https://twitter.com/YayasanPeneraju)

 [realisasi_aspirasi](https://www.instagram.com/realisasi_aspirasi)

15-1, Tingkat 15, Mercu UEM
Jalan Stesen Sentral 5, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur

 +603 2727 9000

 info@yayasanpeneraju.com.my

**YAYASAN
PENERAJU
.COM.MY**